

10/17/2017

PPA COLGIS ONLINE : BENGKEL PERANCANGAN STRA... - Noorfauziati Binti Mat Yatim

PPA COLGIS ONLINE : BENGKEL PERANCANGAN STRATEGIK FASA II 2016 - 2020 BADAN PERSATUAN PELAJAR UUM COLGIS

COLGIS - Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni

Tue 10/17/2017 1:50 PM

To: UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>; UUMstudentgroup <studentnet-out@uum.edu.my>; UUM - All Students <studentnet@uum.edu.my>;

Cc: Prof. Madya Dr. Rusdi bin Omar <rusdiomar@uum.edu.my>; Dr. Mohd Na'eim Bin Ajis <naeim@uum.edu.my>; Roshadah Bt Yaacob <adah@uum.edu.my>;



Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni
STUDENT DEVELOPMENT AND ALUMNI OFFICE
College of Law, Government and International Studies
Universiti Utara Malaysia

"MUAFAKAT KEDAH"

17 OKTOBER 2017/ 27 MUHARRAM 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

BENGKEL PERANCANGAN STRATEGIK FASA II 2016 - 2020 BADAN PERSATUAN PELAJAR UUM COLGIS



PPA UUM COLGIS ONLINE: Seramai 55 orang Majlis Tertinggi Badan Persatuan Pelajar UUM COLGIS berkampung selama tiga hari dua malam di Cophorne Orchid Hotel di Pulau Pinang pada 13 hingga 15 Oktober 2017 bagi mengikuti Bengkel Perancangan Strategik Fasa II 2016 - 2020 Badan Persatuan Pelajar UUM COLGIS.

Sepanjang program berlangsung, pelajar diberi pendedahan mengenai Pelan Strategik Badan Persatuan Pelajar. Di samping itu, turut dibincangkan adalah perancangan almanak persatuan pelajar untuk tahun 2018 mengikut keperluan Universiti iaitu Teras 3 Plan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 Pendidikan Tinggi (PPPM-PT).

Dalam sesi bersama Dekan PPA COLGIS, Prof. Madya Dr. Rusdi Omar memohon semua penasihat persatuan UUM COLGIS sentiasa membantu pelajar-pelajar bagi persatuan di bawah seliaan masing-masing dalam mengenalpasti bentuk-bentuk program dan memberikan fokus kepada pelaksanaan program-program yang berimpak tinggi. Beliau juga mengingatkan Majlis Tertinggi persatuan supaya sentiasa mengikut peraturan yang

telah ditetapkan oleh pihak Universiti dan sentiasa datang berbincang dengan pihak PPA COLGIS sekiranya pelajar mempunyai masalah dalam pelaksanaan projek atau sebaliknya.

Majlis Perasmian Penutupan telah disempurnakan oleh Professor Dr. Ahmad Bashawir Haji Abdul Ghani, Penolong Naib Canselor UUM COLGIS. Dalam ucapannya, beliau berkata "kita mahukan pelajar-pelajar UUM COLGIS sentiasa digarap untuk melahirkan produk yang berkualiti dan berholistik serta mempunyai "DNA" tersendiri dengan mengadakan program-program menjurus ke arah 4th Industrial Revolution dan Tranformasi Nasional 2050 (TN50)". Beliau mengakhiri ucapan beliau dengan tagline: Stay Relevant, Stay Competitive.

Turut hadir di dalam bengkel ini adalah Dr. Mohd Nai'eim Ajis, Timbalan Dekan PPA COLGIS, Penasihat Persatuan UUM COLGIS, serta pegawai dan kakitangan PPA COLGIS.

Sekian.

"UUM COLGIS : WHERE INNOVATION IN GOVERNANCE BEGINS"

=====

Daripada:

Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni
College of Law, Government and International Studies (COLGIS)
Universiti Utara Malaysia | 06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia
Tel : +6049287805/7806/7807/7808 | Fax : +6049287849 | Email : colgis_pppa@uum.edu.my
Laman Web : <http://ppacolgis.uum.edu.my/> | Facebook : OFFICIAL PPA UUM COLGIS

 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.